




MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK;

**TAULIAH MENGAJAR;
SATU KEPERLUAN**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"TAULIAH MENGAJAR; SATU KEPERLUAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ

بَعْضَ الظُّنُنِ إِثْمٌ ...^ص

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ^{١٦}

Bersempena perhimpunan mingguan seluruh umat Islam hari ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru muslimin yang dikasihi, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi dan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan setiap larangan-Nya. Semoga kita sentiasa berada pada landasan akidah yang betul dan tidak terpedaya dengan golongan yang sesat lagi menyesatkan.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk:
"TAULIAH MENGAJAR; SUATU KEPERLUAN."



Kenapa Tauliah Mengajar suatu keperluan? Bukankah Nabi Muhammad SAW bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru Radiallahu Anhu:⁷

"Sampaikanlah dariku walau satu ayat".

(Riwayat al-Bukhari).

Bukankah kita semua Pendakwah? Dalam kalangan kita juga ada kelayakan agama. Jadi kenapa perlu lagi Tauliah?

Itulah antara persoalan-persoalan yang sering ditimbulkan oleh sebahagian masyarakat apabila membicarakan keperluan tauliah mengajar.⁸

Undang-undang telah menetapkan seseorang yang ingin mengajar agama, hendaklah mempunyai tauliah mengajar yang dikeluarkan berdasarkan seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pindaan 2016.

Dalam konteks ini “mengajar” bermaksud menyampaikan sebarang maklumat berkaitan dengan agama Islam melalui ceramah, forum, pengisahan, motivasi, tazkirah, pembentangan kertas kerja, kuliah, audio visual atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Tauliah.

Justeru, khatib ingin mengingatkan kepada sesiapa yang ingin mengajar agama atau diundang untuk mengajar di masjid atau surau seluruh Selangor, mohonlah Tauliah Mengajar. Pemohon akan melalui beberapa proses tapisan iaitu ujian penilaian fardu ain dan ujian nilai. Sekiranya lulus, pemohon akan dipanggil temuduga seterusnya diputuskan oleh Jawatankuasa Tauliah Mais.⁹



Benarkah proses permohonan Tauliah Mengajar sesuatu yang menyusahkan dan tidak diperlukan? Khatib ingin menarik perhatian semua ketika Rasulullah SAW menghantar Saidina Muaz bin Jabal radiallahuanhu ke negara Yaman, baginda terlebih dahulu bertanyakan beberapa soalan kepada Muaz berdasarkan sabdanya yang berikut:

10

كَيْفَ تَقْضِي؟ فَقَالَ أَقْضِي بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ. قَالَ "فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ". قَالَ فَبِسُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. قَالَ "فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ". قَالَ أَجْتَهِدُ رَأِيِّي. قَالَ "الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ".

"Dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Muaz menjawab: 'Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah'. Baginda bersabda: 'Sekiranya ia tidak terdapat di dalam Kitabullah?' Maka jawab Muaz: 'Aku akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah SAW.' Baginda bertanya lagi: 'Sekiranya tidak terdapat di dalam Sunnah Rasulullah SAW?' Jawab Muaz: 'Aku akan berijtihad dengan pendapatku.' Maka Rasulullah SAW bersabda: 'Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufik kepada utusan Rasulullah SAW.'"

11

(Riwayat al-Tirmizi).

Hadis tersebut menunjukkan Rasulullah SAW sedang menguji kelayakan Saidina Muaz dalam menyampaikan dakwah. Setelah berpuas hati dengan manhaj Saidina Muaz dalam berhukum iaitu mendahulukan al-Quran kemudian al-Sunnah dan seterusnya ijтиhad, maka baginda pun mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT.

12



Maka sebab itulah permohonan Tauliah Mengajar perlu melalui beberapa proses tapisan untuk melihat kelayakan, kemahiran, kemampuan dan penguasaan ilmu seseorang sebelum diberikan Tauliah.

13

Dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sering memberi peringatan dan menitahkan hanya mereka yang benar-benar mahir dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai agama Islam sahaja yang boleh diberikan Tauliah untuk mengajar atau ceramah di masjid-masjid atau surau-surau di seluruh negeri Selangor. (Titah DYMM Sultan Selangor, 18 Februari 2022, Istana Alam Shah Klang).

14

Adakah itu bermaksud pihak berkuasa agama menghalang kerja-kerja dakwah? Perlu ditegaskan bahawa keperluan Tauliah Mengajar bukanlah untuk menghalang atau menyusahkan seseorang yang ingin mengajar agama. Ia sebagai langkah pencegahan bagi memenuhi maqasid syariah dalam aspek memelihara agama Islam (*Hifz ad Din*).

15

Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْأَسْلَمُ

16

"Sesungguhnya agama (yang direndai) disisi Allah hanyalah Islam".

Justeru, bagi memastikan agama Islam itu terus terpelihara daripada sebarang anasir penyebaran ajaran salah, fitnah memfitnah dan bersangka buruk yang boleh menimbulkan kesan negatif terhadap agama, masyarakat dan negara maka tauliah diperlukan,

17



bahkan Saidina Ali Radiallahu anhu pernah berkata:

كَلِمَةُ حَقٍّ أُرِيدَ بِهَا بَاطِلٌ

18

Bermaksud: "Kata-kata yang benar tetapi bertujuan batil."

(Riwayat Muslim).

Maka di sinilah keperluan Tauliah Mengajar yang antara lain untuk memastikan bahawa;.

Pertama; Seseorang itu benar-benar layak dan sesuai untuk mengajar agama.

Kedua; Mengekang penyebaran ajaran atau fahaman yang menyeleweng daripada pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ketiga; Mengelak sesuatu perkara yang boleh menimbulkan kontroversi dan sensitiviti dalam kalangan masyarakat.

Keempat; Mencegah mana-mana pihak yang menggunakan platform ceramah untuk menghina atau mengaibkan orang atau kumpulan tertentu.

Kelima; Memastikan pemegang Tauliah mematuhi setiap peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

19



Perkembangan teknologi semasa memudahkan masyarakat untuk mendapatkan ilmu agama pada bila-bila masa hanya dihujung jari. Namun, masyarakat perlu memastikan guru yang mengajar atau menyampaikan ilmu tersebut adalah individu yang dipercayai dan diyakini ilmunya bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasul SAW serta berpegang kepada fahaman ahli sunah wal jamaah.

Imam Muslim meriwayatkan dalam muqaddimah kitab sahihnya daripada Muhammad ibn Sirin beliau berkata:

إِنَّ هَذَا الْعِلْمَ دِينٌ فَانْظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

“Sesungguhnya ilmu ini adalah agama maka kamu lihatlah daripada siapakah kamu mengambil agama kamu.”

(Riwayat Muslim).

Khatib mengingatkan bahawa mana-mana orang yang mengajar, cuba mengajar atau menyebabkan pengajaran agama Islam tanpa tauliah adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2016.

20

21



Pihak JAIS kerap menerima aduan bahawa masih terdapat masjid atau surau yang mengundang penceramah tanpa tauliah. Malah penceramah yang tidak mempunyai tauliah pun dan tahu tentang keperluan mendapatkan tauliah di negeri Selangor ini masih terus mencuba untuk memberi ceramah di masjid dan surau tanpa tauliah. Dan apabila kebenaran ceramah di masjid dan surau tidak dibenarkan atas alasan tiada mempunyai tauliah, pihak berkuasa agama dipersalahkan dan diperlekehkan kononnya menghalang usaha-usaha dakwah dilakukan di masjid dan surau. Kenapa ini boleh berlaku?. Sedangkan sehingga **31 Disember 2022**, terdapat seramai **5,641 Pendakwah Bertauliah di Negeri Selangor (PBNS)** telah direkodkan. Jumlah penceramah bertauliah yang ramai ini tidak menyukarkan pihak masjid atau surau untuk memilih mana-mana penceramah bertauliah yang boleh diperoleh maklumat mereka melalui laman sesawang Jabatan Agama Islam Selangor.

22

Pihak MAIS juga ingin menegaskan kepada semua Pemegang Tauliah MAIS, hendaklah pada setiap masa mematuhi undang-undang atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan oleh pihak berkuasa agama.

23

Hendaklah menggunakan Tauliah Mengajar pada situasi yang betul, bukannya untuk kepentingan dan keuntungan peribadi. Tidak menyelitkan lawak jenaka yang melampau sehingga masyarakat hanya mengingati lawak berbanding ilmu yang disampaikan. Akhirnya, masyarakat lebih tertarik kepada penceramah hanya kerana lawaknya tetapi bukan kepada ilmunya.

24

Pemegang Tauliah juga diingatkan supaya tidak mencampur adukkan isu agama dengan politik kepartian dan permusuhan sesama Islam, atau menyelitkan apa-apa perkara yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan terhadap mana-mana agama, atau membangkitkan perasaan tidak suka terhadap mana-mana kerajaan, atau mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk di negara ini.

25



Sebagai Pemegang Tauliah hendaklah pada setiap masa menunjukkan akhlak yang baik bertepatan dengan apa yang diperkatakan dalam kuliahnya maupun ceramah. Tidak berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan agama Islam atau apa-apa perkara yang boleh menyebabkan tauliahnya ditarik balik. Selain daripada itu, Pemegang Tauliah juga adalah pendukung aspirasi pihak berkuasa agama dalam mengurus Hal Ehwal Agama Islam dan pembangunan umat Islam.

26

Dalam hal ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menegaskan bahawa sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor seperti yang termaktub di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 dan kuasa-kuasa yang diperuntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Baginda mempunyai kuasa untuk menitahkan agar tauliah terhadap mana-mana pihak ditarik balik atas sebab-sebab tertentu demi memelihara kesucian agama Islam dan mengelak perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam.

27

Mengakhiri khutbah minggu ini, khatib ingin menyeru;

1. Umat Islam hendaklah menuntut ilmu yang betul daripada guru yang dipercayai dan diyakini keilmuannya bersumberkan al-Quran dan Sunnah yang diberi tauliah oleh MAIS.
2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa ilmu fardu ain dan fardu kifayah adalah ilmu Allah yang wajib diajar dengan amanah, benar dan ikhlas bertujuan mewujudkan individu yang bertakwa, masyarakat yang damai dan negara yang makmur.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa segala keputusan dan pengurusan pemerintah terhadap rakyat dibina di atas kemaslahatan

28



sebagaimana disebutkan berdasarkan kaedah Fiqh:

تَصْرِفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

29

"Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada maslahah."

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنَّمَا مِنَ

الْمُسْلِمِينَ

٣٣

"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

(Fussilat : 33).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيْمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا إِيَّاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

7

وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

8

وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.

17



Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

18

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

19

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ^{٢١}.

20

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ^{٦٠}

21

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَرِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

22